

Peningkatan universiti awam rancak pembangunan pengajian

UB 13.06.2012 A3

Oleh **S.CONNIE PEARL SUIL**
conypearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Peningkatan jumlah universiti awam merancang lagi pembangunan pengajian tinggi negara.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig. Jen. Professor Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, peningkatan itu mewujudkan persaingan yang sihat untuk menjadi terbaik.

Katanya, saingan itu turut meliputi universiti swasta yang ingin mencapai kedudukan pengiktirafan atau penarafan yang teratas.

“Hal ini merupakan isu yang sangat penting kerana ia akan memberi impak kepada mutu dan kualiti penyelidikan serta penulisan ilmiah sesebuah universiti.

“Malah kepentingan ini diperkuatkan lagi dengan wujudnya Program Pemacuank Untuk Kecemerlangan (Apex) Universiti,” katanya

sempena perasmian Bengkel Jurnal Terindeks dan Berimpak Tinggi 2012, di sini kelmarin. Teks ucapannya dibacakan oleh Ketua Perpustakaan UMS, Dg Rukiah Ag Amit.

Menurutnya, universiti perlu bersaing di antara satu sama lain bagi mengekalkan mutu khususnya dari segi penerbitan jurnal berimpak tinggi dalam sesebuah pangkalan data terpilih.

Jelasnya, ‘Malaysia Research Assesment’ (MyRA) turut digunakan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) untuk memantau prestasi dan menilai pencapaian dalam aspek penyelidikan secara tahunan.

“Hasil dari penyelidikan mestilah didokumentasikan dalam penerbitan dalam dan luar negara, terutamanya jurnal yang terindeks dan mempunyai faktor impak yang tinggi.

“Ini kerana, penerbitan dalam jurnal yang terindeks merupakan antara perkara



RUKIAH (kanan) menerima cenderahati daripada Salmah.

yang diambil kira dalam menentukan kedudukan universiti,” katanya.

Turut hadir, wakil

Pengerusi Jawatankuasa Perpustakaan Akademik (PPM), Salmah Abdullah dan tetamu kehormat yang lain.